

G. Lawatan Profesionalisme JPN Perak, Rektor Perjelas Konsep KUKUM

Keunikan sistem pembelajaran Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang menekankan kepada aspek latihan praktikal atau '*lab intensive*' di dalam sistem pembelajarannya diyakini mampu menjana jurutera yang berkualiber dan berkebolehan, baik dari segi kemahiran mahupun pengetahuan demikian menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM.

Beliau berkata demikian ketika memberi taklimat ringkas di hadapan delegasi Lawatan Profesionalisme Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah Perak Darul Ridzuan pada 25 Jun 2005 lalu di Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bangunan KWSP di sini. Delegasi lawatan seramai lebih kurang 40 orang itu telah diketuai sendiri oleh Lt. Kol. Ir. Mohammed Zakaria bin Mohd Noor, Pengarah Pelajaran Perak.

Di samping keunikan sistem pendidikan yang diamalkan di universiti ini, beliau juga sempat menegaskan KUKUM adalah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti mana yang sering disalah tafsir oleh sesetengah pihak termasuk guru-guru sekolah sendiri. Kekeliruan itu katanya mungkin wujud disebabkan oleh penggunaan istilah Kolej Universiti itu sendiri.

"Ramai yang beranggapan KUKUM adalah universiti swasta tetapi ia adalah sebaliknya. Penggunaan istilah Kolej Universiti adalah kerana ia memfokuskan kepada satu bidang penghususan sahaja. Ia berbeza dengan pendekatan yang diamalkan oleh universiti-universiti awam atau konvensional lain yang terdapat di negara ini. KUKUM adalah universiti yang memfokuskan kepada bidang kejuruteraan yang berasaskan elektronik".



"Para pelajar di KUKUM telah didedahkan kepada peralatan di makmal sejak dari tahun pertama lagi. Walaupun memberi perhatian lebih kepada latihan praktikal, ia tidak bermakna mengeneppikan teori malah latihan praktikal banyak memberi pengetahuan tentang teori yang dipelajari itu. Para pelajar yang belajar di KUKUM sangat bertuah kerana di sini peralatan yang sedia ada adalah canggih dan terbaik di negara ini", ujar beliau sambil menerangkan tentang kejayaan dan kecemerlangan universiti ini di dalam bidang sukan.

Sementara itu dalam ucapan balas Lt. Kol. Ir. Mohammed Zakaria, beliau berkata, delegasi lawatan amat berterima kasih kepada kesudian KUKUM untuk menerima lawatan mereka. Beliau juga berharap hasil dari lawatan itu, ia dapat mengerakkan lagi hubungan silaturrahim antara Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak dengan KUKUM di masa-masa akan datang. Hasil dari taklimat yang telah disampaikan serta risalah yang dibekalkan oleh KUKUM, JPN Perak katanya akan menyampaikan maklumat tersebut kepada para pelajar di negeri Perak yang berminat untuk menyambung pelajaran di peringkat ijazah di dalam bidang kejuruteraan di KUKUM itu nanti. Beliau juga menyifatkan lawatan tersebut begitu bermakna kepada para delegasi lawatan.

Sejurus selepas itu, Encik Zol Bahri Razali, Penyelaras Unit Kualiti, KUKUM telah menyampaikan taklimat tentang program akademik dan syarat-syarat kemasukan ke universiti ini sebelum dibawa melawat ke makmal mikroelektronik dan pusat pengajian kejuruteraan bioproses yang akan ditubuhkan kelak di tingkat sembilan, perpustakaan di tingkat dua dan berakhir dengan lawatan ke kampus KUKUM di Kuala Perlis.